



SKUAD UMS yang akan memulakan cabaran menentang UM di Stadium UMS petang ini.

## Liga Divisyen Satu IPT Malaysia: UMS lawan UM petang ini

UB 11.03.2012 AK

KOTA KINABALU: Pasukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan memulakan cabaran menentang Universiti Malaya (UM) pada Liga Divisyen Satu Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia di Stadium UMS petang ini.

Pengarah Pusat Sukan UMS; Mohd Asyraaf Fong Abdullah berkata, pasukan UMS musim ini diletakkan di bawah kendalian dua bekas pemain Sabah, David Johnny dan Faizal Marjus.

"UMS sudah tiga tahun berturut-turut berada dalam Liga Divisyen Satu dan musim ini kami mensasarkan empat tempat teratas di kalangan lapan pasukan dalam saingan ini," katanya.

Kejohanan tersebut melibatkan tiga divisyen melibatkan pasukan IPT-IPT di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang diikhtiraf Persatuan Bola Sepak

Malaysia (FAM).

Liga Divisyen Satu melibatkan lapan pasukan yang terdiri dari UiTM, Kolej Komuniti Kedah, UM, UKM, MMU, UTHM, Politeknik Kota Bahru dan UMS.

Pasukan bersaing secara liga timbal balik.

Kejohanan tersebut dimulai dengan perlawanan bagi merebut Piala Sumbangsih antara UiTM dan Kolej Komuniti Kedah di padang UiTM Selangor kelmarin.

UiTM merupakan juara bertahan manakala Kolej Komuniti Kedah adalah naib juara kejohanan tersebut tahun lalu.

Sambil itu, pasukan futsal wanita UMS akan menamatkan cabaran saingan peringkat kumpulan Kejohanan Futsal

Kebangsaan Felda-FAM menentang pasukan DBKU Sarawak dan Terengganu Permaisuri di Kompleks Sukan Triways Selangor hari ini.

"Walaupun sudah mengesahkan tempat ke pusingan akhir yang diperuntukkan kepada empat pasukan teratas, kami masih perlu menang untuk muncul naib juara peringkat kumpulan," kata Asyraaf yang juga ketua jurulatih pasukan itu.

Empat perlawanan yang diharungi sebelum ini menyaksikan UMS mencatat tiga kemenangan dengan membelaah KL Putra Ria 9-2, menundukkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 7-2 dan menang besar 7-0 ke atas Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Bagaimanapun UMS tumpas 0-3 kepada pendahulu kumpulan, Selangor MPSJ FC.